

Soalan No: 14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO LEUNG [ALOR SETAR]

TARIKH : 2.8.2017

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan jaminan bahawa Kementeriannya akan memberi kelulusan kepada permohonan sekolah SMJK Sin Min Sungai Petani untuk membina sekolah SMJK Sin Min (2) tanpa sebarang kelewatan lagi kerana penderma tanah untuk tapak sekolah kedua telah mengenakan syarat bahawa sekolah tersebut mesti dibina dalam tempoh 2 tahun dari April 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sehingga kini belum menerima sebarang permohonan rasmi pembinaan sekolah baharu SMJK Sin Min 2, Kedah mengikut prosedur yang ditetapkan.

RJM67

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN
EBIN [RANAU]**

TARIKH : 2 OGOS 2017 (RABU)

SOALAN : 15

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan sama ada pihak Kerajaan
berhasrat untuk menaiktaraf jalan raya kampung
Miruru dan kampung Mangkadait Ranau, Sabah.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan Projek Menaiktaraf Jalan Miruru – Mangkadait, Ranau, Sabah tidak tersenarai dalam kelulusan projek RMKe11. Walau bagaimanapun, projek ini telah tersenarai dalam senarai keutamaan kerajaan negeri dan Kementerian ini akan mengangkat permohonan semula bagi pelaksanaan Rolling Plan akan datang.

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI]

TARIKH : 2 OGOS 2017 (RABU)

SOALAN : 16

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan tempoh masa bagi pelaksanaan pengecualian Dasar Kabotaj (Cabotage Policy) untuk Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak menetapkan sebarang tempoh masa bagi pengecualian Dasar Kabotaj untuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Namun demikian, Kementerian Pengangkutan telah mewujudkan Jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada wakil-wakil daripada agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk menilai kesan dan impak pengecualian Dasar Kabotaj berkenaan. Hasil penemuan daripada Jawatankuasa Kerja tersebut akan dijadikan sebagai asas untuk penilaian kepada pengecualian Dasar Kabotaj. Proses penilaian tersebut dijangka akan mengambil masa sekurang-kurangnya dua belas bulan (12 Bulan).